

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**21 MAC 2019**

---

**1. HARI MESRA PELANGGAN 21 MAC 2019**

Program MPSP Mesra Pelanggan telah diadakan sejak 2018 dan diadakan setiap tiga (3) bulan sekali. Program ini melibatkan pasukan khas yang terdiri daripada pelbagai jabatan bagi memberi fokus kepada isu pelesenan, binaan tanpa kebenaran, tempat letak kereta serta isu - isu perbandaran. Pada 21 Mac 2019 , MPSP telah menganjurkan Program MPSP Mesra Pelanggan Siri 1 /2019 dengan tema ***Anda Perlu Kami Bantu.*** Penganjuran program kali ini adalah untuk menumpukan kepada :-

- a. Pengeluaran permit sementara bangunan perniagaan tidak berisiko
- b. Pengeluaran lesen perniagaan tidak berisiko
- c. Konsultansi berkaitan perancangan seperti :-
  - i. Pengeluaran Kebenaran Merancang (Borang C1) secara serta merta selepas kelulusan
  - ii. Permohonan pelan pembangunan melalui kaedah

## Dealing With Construction Permit (DCP)

### d. Pemeran Bandar Selamat dan hebahan - hebahan Garis

#### Panduan

Pemberian permit sementara dan lesen perniagaan ini adalah bagi membantu pengusaha atau peniaga di Seberang Perai terutamanya golongan B40 untuk menjalankan perniagaan secara sah.

## 2. MAJLIS CABUTAN PEMENANG PROMOSI CUKAI PINTU 2019

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSP telah berjaya memperolehi kutipan cukai taksiran sebanyak **RM87.20 juta** sepanjang tempoh 1 Disember 2018 hingga 28 Februari 2019. Jumlah ini merupakan rekod kutipan tertinggi yang telah dicatat berbanding rekod kutipan tahun-tahun sebelumnya.

MPSP mengucapkan jutaan penghargaan kepada seluruh warga Seberang Perai yang telah menunaikan tanggungjawab untuk membayar cukai taksiran pada masa yang telah ditetapkan.

Sempena Promosi Cukai Pintu 2019 kali ini, sebanyak **65 hadiah** telah disediakan bagi kategori bayaran secara online, agensi, bank atau kiosk manakala **10 hadiah** disediakan bagi kategori bayaran di kaunter-kaunter bayaran MPSP. Jumlah keseluruhan hadiah yang disediakan adalah sebanyak **75 hadiah**.

Senarai keseluruhan 75 bakal pemenang akan ditentukan dalam Majlis Cabutan Pemenang Promosi Cukai Pintu 2019 akan diadakan seurus selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini.

Para pemenang yang berjaya akan dihubungi oleh MPSP dan akan dijemput untuk hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah akan diadakan pada bulan April 2019 bagi menentukan kedudukan hadiah yang bakal dimenangi. Selain itu, senarai pemenang boleh disemak melalui laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) mulai hari Jumaat, 22 Mac 2019.

### **3. MOU ANTARA MPSP DAN PERSATUAN ORANG PEKAK PULAU PINANG**

MPSP dan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang telah menandatangani MOU pada 21 Disember 2017. Pada tahun ini,

MOU ini akan disambung bagi tempoh satu (1) tahun sehingga Disember 2019. Memorandum ini adalah bertindak sebagai pemudahcara bagi usahasama di dalam menyediakan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat di dalam MPSP dan program yang dilaksanakan oleh MPSP dari semasa ke semasa. Penyediaan jurubahasa isyarat dalam program-program yang dilaksanakan oleh MPSP adalah selaras dengan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi di mana penyediaan kemudahan jurubahasa isyarat membolehkan orang kelainan upaya turut mengikut perkembangan program-program di MPSP. Selain itu, bagi memastikan ianya dapat diakses secara menyeluruh kemudahan 'live streaming' turut dilaksanakan dan boleh dilayari di Facebook MPSP.

#### **4. MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN FOTOGRAFI *BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2018***

Pertandingan Fotografi *Butterworth Fringe Festival* (BFF) 2018 telah diadakan sepanjang 2 hari festival berlangsung pada 1 dan 2 Disember 2018. *Butterworth Fringe Festival* (BFF) 2018 adalah anjuran bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai, Think City

Sdn Bhd dan dengan kendalian kurator TLM Event Sdn Bhd telah mendapat sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun keempat.

Objektif utama Pertandingan Fotografi BFF 2018 adalah untuk memberi peluang kepada komuniti Seberang Perai khususnya berkarya melalui fotografi sepanjang 2 hari festival berlangsung. Tema pertandingan adalah *BFF At A Glance* yang mana peserta akan berpeluang untuk menerokai dan menghayati setiap pengisian dan aktiviti di festival bertaraf antarabangsa ini.

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Pertandingan Fotografi *Butterworth Fringe Festival (BFF) 2018*.

<b>BIL</b>	<b>HADIAH</b>	<b>NAMA PEMENANG</b>
1	Hadiah Tempat Pertama  Wang Tunai Rm1,200.00	Thum Chen Zheng
2	Hadiah Tempat Kedua  Wang Tunai Rm800.00	Lim Lean Eng
3	Hadiah Tempat Ketiga	Goh Yong Hooi

	Wang Tunai Rm500.00	
4	Hadiah Saguhati  Wang Tunai Rm100 X 5 Pemenang	Chua Boon Keat  Goh Boon Keat  Lee Siau Poh  Andrew Tan Wee Keng  Ahmad Adil Bin Muhamad

## 5. SESI “TOWN HALL” DIALOG BAJET MPSP 2020

Sukacitanya di sini saya ingin memaklumkan bahawa Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2020 akan diadakan pada 6 April 2019 (Sabtu) jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di The Light Hotel, Seberang Jaya. Sesi ini bertujuan untuk melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka bajet tahun 2020 dengan memberi input, pandangan dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan MPSP. Oleh itu, saya ingin menjemput individu-individu, wakil-wakil komuniti, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan dan Swasta untuk turut serta dalam Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2020.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Norshazila Binti Alias atau Pn. Rahida Binti Abdul Rahim di talian 04-5497 460/841/890 atau email [norshazila@mpsp.gov.my](mailto:norshazila@mpsp.gov.my) / [bajet@mpsp.gov.my](mailto:bajet@mpsp.gov.my) .

## **6. MPSP CAR FREE MORNING PADA 7 APRIL 2019 (AHAD)**

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 7 April 2019 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Tema pada kali ini adalah Sambutan Hari Kesihatan Sedunia. Terdapat pelbagai aktiviti yang menarik antaranya aktiviti zumba, permainan kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan dan banyak lagi aktiviti menarik.

Antara agensi yang turut serta adalah Penggerak Komuniti Muda Pulau Pinang (PEKA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). PEKA akan mengumpul baju PRELOVED , barangan dapur, barangan mandian dan permainan untuk diagihkan kepada golongan miskin. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

## **7. GROWTH MARKET, AUTOCITY**

Dimaklumkan bahawa Program Growth Market akan diadakan pada 14 April 2019 di Autocity, Juru bermula jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari. Program ini diadakan setiap Ahad minggu kedua, program ini bertujuan mewujudkan kesedaran kepada pengunjung mengenai kesedaran kitar semula dan penanaman secara organik.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah jualan produk berasaskan barangan kitar semula, sayur-sayuran organik, pameran kesihatan dan pameran LA 21 (Local Agenda 21). Program ini secara tidak langsung dapat membantu penduduk mencari pendapatan sampingan. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam program ini.

## **8. PROGRAM TEMASYA ALAM @ BUTTERWORTH ART WALK BULAN APRIL 2019**

Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Think City Sdn. Bhd. dengan kerjasama Zart Eventive akan menganjurkan Program Temasya Bagan di Butterworth Art Walk pada 20 April 2019 (Sabtu) di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth. Tema sambutan



Temasya Bagan bagi bulan April 2019 adalah Temasya Alam sempena Hari Bumi Sedunia 2019. Program akan bermula pada jam 2.00 petang sehingga 11.00 malam.

Temasya Bagan merupakan salah satu *platform* yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen *education and awareness* dari segi seni, budaya dan warisan tempatan. Program ini mengetengahkan konsep mesra keluarga dan santai ilmu selain aktiviti sihat sebagai salah satu pengisian program. Pelbagai pengisian program bagi Temasya Alam kali ini antaranya adalah *booth* pameran daripada agensi kerajaan, badan korporat dan usahawan hijau, peraduan karya daripada bahan terbuang, *mini petting zoo*, jualan arca-arca seni, jualan makanan dan minuman serta konsert muzik alam akan disajikan kepada semua pengunjung. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program Temasya Alam ini.

## **9. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan Program Senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai Padang Bandaran MPSP akan diadakan pada 21 April 2019 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 28 April 2019 (Ahad). Sehubungan dengan

itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **10. KARNIVAL 8R BERSAMA JCI (JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL) BATU KAWAN**

Dimaklumkan setiap Ahad minggu terakhir akan diadakan Karnival 8R anjuran bersama JCI Batu Kawan. Karnival 8R ini akan dijalankan pada 28 April 2019, diadakan di Pasar Awam Kota Permai. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. 8R yang dimaksudkan adalah Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**